



TALKING POINTS
YANG BERBAHAGIA TAN SRI MOHAMAD
ZABIDI ZAINAL

SEMPENA

MAJLIS INTERAKSI KPPA BERSAMA
PESERTA PROGRAM DIPLOMA
PASCASISWAZAH PENGURUSAN AWAM
INTAN TAHUN 2015

9 JUN 2015, 8.30 MALAM

INTAN BUKIT KIARA

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Transformasi dan Salam "1Malaysia:
Rakyat Didahulukan, Pencapaian
Diutamakan".**

**Yang Berbahagia Dato' Jalil Marzuki
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam (Pembangunan)**

**Yang Berusaha Dr. Ahmad Jailani
Muhamed Yunus
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam (Operasi)**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Yusoff
Pengarah
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)**

Yang Berbahagia Dato' Mohtar Mohd Abd.

Rahman

Pengarah Bahagian Perkhidmatan, JPA

Pegawai-pegawai Kanan

Tuan-tuan dan Puan-puan Perunding-

Perunding Latihan

Seterusnya saudara dan saudari peserta

Program Diploma Pascasiswazah

Pengurusan Awam atau DPA INTAN Tahun

2015 yang dikasihi sekalian.

UCAPAN ALUAN

- **Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta rahmatnya, kita dapat bersama pada malam ini dalam satu majlis yang santai bersama saudara dan saudari, peserta Program DPA INTAN Tahun 2015.**

UCAPAN PENGHARGAAN

- **Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada INTAN, khususnya Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif kerana telah memberi ruang**

kepada saya untuk mengadakan pertemuan dengan para peserta Program DPA INTAN 2015 pada malam ini.

- **Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada saudara dan saudari yang telah berjaya dipilih sebagai peserta Program DPA INTAN Tahun 2015 yang bakal dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik iaitu PTD sekiranya lulus dengan jayanya program DPA ini. Sesungguhnya, saudara dan saudari merupakan insan terpilih kerana telah melalui pelbagai tapisan sebelum berjaya berada di sini pada hari ini**

untuk mengikuti proses pembelajaran dan penilaian yang signifikan sebelum bergelar seorang PTD.

- **Saudara dan saudari yang berada di hadapan saya pada hari ini merupakan insan-insan hebat yang bakal mengurus dan memimpin tampuk pemerintahan negara pada masa hadapan. Justeru, dalam mencari ‘cream of the cream’ dan memastikan legasi kepimpinan terbilang yang berterusan, Kurikulum Program DPA INTAN sentiasa disemak dan dimantapkan samada dari segi pendekatan mahupun pengisian untuk memastikan kursus ini sentiasa**

relevan dengan tuntutan dan keperluan semasa.

LATAR BELAKANG DIPLOMA PENGURUSAN AWAM (DPA)

**Saudara dan saudari yang dikasihi
sekalian,**

- **Diploma Pengurusan Awam atau lebih dikenali dengan akronim DPA merupakan kursus mandatori yang telah dilaksanakan sejak tahun 1977 lagi bertujuan untuk melengkapkan pegawai PTD baru dengan bercirikan kompetensi bersepadu A.S.K.A.R iaitu sikap (attitude), kemahiran (skills),**

pengetahuan (knowledge), kebolehsesuaian (adaptability) dan daya tahan (resilience) bagi melahirkan para pegawai PTD yang memiliki komitmen, pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang tinggi.

- **Sejajar dengan perubahan masa, pelaksanaan kursus ini telah mengalami evolusi serta perubahan dari segi tempoh pelaksanaan dan pengendalian bermula dari tahun 1977 sehingga kini.**
- **Dalam tempoh masa 38 tahun, DPA pernah dilaksanakan selama enam**

bulan, sembilan bulan, 12 bulan dan kini dilaksanakan selama 10 bulan. Tempoh pelaksanaan yang pelbagai ini adalah sejajar dengan keperluan semasa.

- **Mulai tahun 2013, Program DPA bukan lagi merupakan syarat pengesahan dalam perkhidmatan, tetapi ia merupakan salah satu syarat lantikan ke dalam Perkhidmatan PTD. Peserta perlu hadir dan lulus dengan jayanya Program DPA INTAN dan Program Diploma Pascasiwazah Pentadbiran Awam Universiti Malaya sebelum dilantik sebagai Pegawai PTD. Kolaborasi strategik bersama UM bagi**

Program DPPA merupakan salah satu langkah quick wins dan titik permulaan INTAN ke arah mendapatkan akreditasi penuh bagi Program DPA.

AKREDITASI OLEH AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

- **Sebagai menyahut momentum transformasi perkhidmatan awam negara, bermula pada tahun 2015, INTAN akan melaksanakan sepenuhnya Program DPA yang mendapat akreditasi penuh daripada MQA.**

- **Sejarah baharu bakal terukir di negara kita. Insyaallah, Program DPA INTAN merupakan program pengurusan awam pertama negara di bawah Institusi Latihan Awam Kerajaan yang mendapat akreditasi daripada badan akreditasi yang bertauliah yang diktiraf di peringkat dunia seperti MQA. Apabila DPA dimasukkan dalam senarai Malaysia Qualification Register kelak, program ini akan menjadi rujukan, penanda aras serta 'standard programme' bagi Program Latihan Pegawai Kerajaan dalam bidang pengurusan kepada negara-negara lain. Dan mungkin juga, ada negara-negara lain yang akan**

menghantar pegawai-pegawai mereka untuk mengikuti Program DPA INTAN.

- **Melalui MQA juga, semua pensyarah di INTAN akan turut mempunyai peranan yang lebih penting. Mereka kini bukan sahaja perlu menyampaikan syarahan dan latihan, tetapi juga perlu memastikan pematuhan kepada standard yang lebih tinggi selaras dengan MQA. Semua ini merupakan usaha-usaha untuk menambah nilai kepada metodologi sedia ada yang belum pernah kita laksanakan selama ini. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada usaha memperkasa imej dan peranan INTAN**

sebagai sebuah gapura ilmu atau centre of excellence.

- **Saudara dan saudari patut berasa bangga kerana telah menjadi perintis bagi program DPA INTAN dan akan terpahat sebagai sejarah dalam legasi PTD. Justeru, buktikan bahawa saudara dan saudari mampu mengikuti program ini dengan cemerlang dan jayanya.**

MODUL INTEGRASI NASIONAL DAN PENGUKUHAN BAHASA INGGERIS

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi,

- **Pada 18 Mac 2015 yang lalu, di dalam Majlis Makan Malam KSN Bersama Peserta Kursus Kadet PTD Bil. 1/2004, Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah menyarankan agar kursus DPA yang dilaksanakan oleh INTAN diperkukuhkan dengan memperkenalkan semula Modul Integrasi Nasional dalam usaha meningkatkan kefahaman dan penghayatan peserta mengenai latar belakang sejarah, sosiobudaya, sistem perundangan serta pentadbiran negeri-negeri di Malaysia. Seajar dengan itu, INTAN telah menyahut saranan berkenaan dengan**

memperkenalkan Modul Integrasi Nasional dalam pelaksanaan DPA INTAN 2015 dan akan dilaksanakan selama empat bulan di Negeri Sabah.

- **Selain itu, Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara serta saya sendiri selaku stakeholders memandang serius terhadap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pegawai muda pada masa sekarang. Tidak dinafikan keperluan Bahasa Inggeris dalam mendepani cabaran dan menggalas tanggungjawab sebagai seorang pemimpin amat diperlukan pada masa kini. Justeru, INTAN telah mengambil**

inisiatif terhadap arahan pengukuhan Bahasa Inggeris kepada kadet PTD dengan mewujudkan Modul English Proficiency for Public Sector Executive dan program-program lain yang akan dijalankan dari masa ke masa.

DPA SEBAGAI MEDIUM MELAHIRKAN PEMIMPIN UNGGUL

Saudara dan saudara yang dikasihi sekalian,

- **Program DPA dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan Pegawai Perkhidmatan Awam yang**

berkeperibadian unggul, mempunyai daya kepimpinan dan intelek yang tinggi, berketrampilan dan kompeten dalam memacu perkhidmatan awam ke persada kecemerlangan. Sepanjang tempoh 38 tahun pelaksanaannya, DPA telah melahirkan ribuan graduan yang telah menjadi tunjang dalam pengurusan dan pembangunan negara. Banyak nama-nama besar yang telah dididik serta melalui proses yang sama yang telah dan sedang menerajui Negara termasuklah Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dan saya sendiri. Justeru, DPA merupakan platform permulaan yang

berperanan membentuk pemimpin perkhidmatan awam yang berkaliber dan mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi.

- **Pada masa kini, sektor perkhidmatan awam sedang melalui era transformasi dalam usaha untuk memacu negara ke arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi. Oleh yang demikian, perkhidmatan awam memerlukan pemimpin yang boleh mengemudi bahtera transformasi dalam merealisasikan aspirasi yang digariskan oleh pihak Kerajaan.**

- **Sebagai bakal PTD, saudara-saudari sekalian diharapkan dapat mempelajari segala kemahiran dan ilmu yang disampaikan termasuk soft skills sebaiknya bagi memastikan hasrat pucuk kepimpinan tertinggi negara untuk melahirkan PTD yang mempunyai sahsiah diri yang terbilang sebagai seorang diplomat yang disegani dan disanjung ketika bertugas di mana-mana agensi pentadbiran Kerajaan. No matter whether you are posted overseas as diplomats or high commissioners or even at distric office as Assistant District Officer (ADO) or District Officer (DO), you must be able to carry**

with you the “PTD culture”. This includes the way you carry yourself, the way you behave, the way you greet people, the way you communicate and so on.

- **Justeru, berteraskan kepada tiga komponen utama, iaitu Komponen Akademik, Komponen Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal serta Komponen Integrasi Nasional dan Pengukuhan Diri, saya yakin Program DPA 2015 yang bakal saudara dan saudari lalui ini berupaya membentuk pemimpin muda yang mampu mendokong aspirasi transformasi.**

- **Jadilah pemimpin muda yang menjadi Harapan Bangsa, Tiang Negara. Profesor Doktor Yusuf Al-Qardhawi pernah mengatakan:**

“Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah daripada kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur. Tetapi jika keadaan sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku kelak.”

- **Jadikan kesempatan menghadiri Program DPA ini sebagai satu platform dalam diri saudara dan saudari untuk membentuk sahsiah dan keperibadian unggul bercirikan kompetensi bersepadu. Saya yakin, jika saudara dan saudari berjaya membina kompetensi diri berteraskan lima komponen tersebut, saudara dan saudari akan berjaya mengharungi apa jua cabaran yang bakal datang serta menjadi seorang pemimpin yang dikagumi pada suatu hari nanti, Insya Allah.**

MENJAGA AKHLAK KEPERIBADIAN DIRI

**Saudara dan saudari yang dikasihi
sekalian,**

- **Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah berpesan ketika Majlis Perasmian Program DPA INTAN 2015 pada 2 Jun yang lalu supaya, saudara dan saudari dapat menjalani program ini dengan penuh bertanggungjawab, berdisplin dan bertatasusila dalam mengelakkan kejadian dan perkara yang tidak diingini. Saudara dan saudari juga telah diingatkan supaya menjaga keperibadian dan**

keterampilan dengan sebaiknya walaupun di luar waktu kursus. Ini termasuklah interaksi saudara dan saudari di media sosial.

- **Sehubungan itu jua, saya mengambil kesempatan ini untuk berpesan dan mengingatkan saudara dan saudari supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak JPA dan INTAN agar perkara-perkara yang tidak diingini dapat dihindari.**

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

- **Saya berharap saudara dan saudari di hadapan saya ini akan memberi komitmen sepenuhnya terhadap Program DPA yang telah dirangka dan mengambil peluang sepenuhnya dalam menggilap dan menonjolkan bakat dalam diri masing-masing. Saya juga berharap kesemua peserta di hadapan saya ini akan dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di penghujung Program DPA ini nanti.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Terima kasih.